

33

NO. SOALAN : 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG

TARIKH : 2 APRIL 2018 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kementerian menyelesaikan masalah pencerobohan bot nelayan asing dan berapakah kes yang berjaya ditangkap dan dikenakan hukuman dalam tempoh tahun 2007-2017.

**Jawapan: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada yang bertanya soalan. Kerugian yang dianggarkan adalah sebanyak RM3 bilion sehingga RM6 bilion iaitu berdasarkan sumber daripada Jabatan Perikanan Malaysia. Ketirisan ini berlaku di atas beberapa fakta.

Pertama ialah kemasukan nelayan asing dalam perairan negara. Keduanya ialah kru nelayan asing yang bekerja di atas bot nelayan tempatan tidak mendaratkan ikan di jeti yang sepatutnya. Akan tetapi memindahkan ikan ke kapal induk untuk dibawa pulang ke negara asal ataupun mendaratkan ikan di jeti negara asal. *Malaysia Coast Guard (MCG)*-APMM sentiasa berusaha untuk membanteras pencerobohan bot nelayan asing yang menangkap ikan di perairan Malaysia.

Berikut adalah merupakan langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh *Malaysia Coast Guard* dalam menangani pencerobohan. Antaranya ialah mengadakan rondaan secara berterusan 24 jam, tujuh hari seminggu. Di samping memberi perhatian khusus kepada kawasan *hotspot* lebih kurang 60 batu nautika dari persisiran Pantai Timur Semenanjung. Kapal baharu

Offshore Patrol Vessel (OPV), KM Pekan dan juga KM Arau memasuki Laut China Selatan dengan sepenuhnya yang mana KM Arau diletakkan di Kota Kinabalu dan KM Pekan diletakkan di Kuantan.

Ketiganya, pemantauan Sistem Pengawasan Maritim Laut (SWASLA) yang ada sekarang adalah cukup berkesan bagi memberi maklumat yang tepat untuk dihantar ke pusat operasi untuk dilaksanakan.

Keempat, melaksanakan kerjasama dengan komuniti nelayan melalui Program Sahabat Maritim yang berperanan sebagai mata dan telinga kepada agensi dalam menyalurkan maklumat berkenaan dengan pencerobohan bot nelayan asing.

Penubuhan Sukarelawan Maritim Malaysia akan memberi impak besar dalam menangani isu pencerobohan nelayan asing, *insya-Allah*.

Kelima, tindakan-tindakan yang diambil oleh *Malaysia Coast Guard (MCG)*-APMM adalah memberi kesan di mana tangkapan bot nelayan telah meningkat pada tahun 2017, iaitu sebanyak 147 kes berbanding 108 kes pada tahun sebelumnya. Terima kasih.

Kes yang berjaya ditangkap dan dikenakan hukuman sepanjang tahun 2007 – 2017 adalah seperti berikut:

Siri	Tahun	Jumlah tangkapan
1	2007	89
2	2008	81
3	2009	137
4	2010	104
5	2011	69
6	2012	57
7	2013	61
8	2014	74
9	2015	107
10	2016	108
11	2017	148
	Jumlah	1035

Sekian, terima kasih.